



11 Julai 2012

AADK Kelantan puas hati penjelasan kedua-dua pihak

KOTA BHARU: Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Kelantan sudah mendengar penjelasan pengurusan Pusat Rawatan dan Pemulihan Dadah Darul Hanan, Tumpat, berhubung dakwaan pelatih diberikan ubat tidur dan dicacah tatu ketika menjalani rawatan pemulihan di pusat rawatan itu.

Pengarahnya, Suriani Mustapha berkata, pengurusan pusat rawatan itu dipanggil memberi penjelasan sehari selepas lima bekas pelatih tampil secara sukarela memberikan keterangan berhubung dakwaan berkenaan, Ahad lalu.

"Kita sudah mendengar penjelasan mengenai kaedah rawatan dan program yang diberikan kepada pelatih di pusat rawatan itu.

"Mereka menafikan segala dakwaan bekas pelatih berkenaan," katanya ketika dihubungi Harian Metro, di sini, semalam.

Menurutnya, dalam pertemuan itu, beliau turut menasihatkan beberapa perubahan perlu dibuat pengurusan pusat rawatan itu bagi memantapkan program sedia ada supaya lebih sesuai mengikut peredaran masa.

"Bagaimanapun, kita meminta program berteraskan Islam yang disediakan pusat rawatan itu dikekalkan. Bagaimanapun, program sedia ada perlu dimantapkan mengikut kesesuaian," katanya.

Suriani berkata, sebagai 'orang tengah' dalam isu yang ditimbulkan itu, pihaknya akan menjalankan siasatan lebih terperinci dan menyeluruh.

"Setakat ini, kita berpuashati dengan penjelasan dan kerjasama diberikan kedua-dua pihak.

"Selepas siasatan selesai, kita akan serahkan laporan kepada ibu pejabat AADK di Kuala Lumpur untuk tindakan selanjutnya," katanya.

Harian Metro sebelum ini melaporkan, seorang lelaki dikenali sebagai Fae berusia 19 tahun mendakwa, sering diberi pil tidur di pusat rawatan berkenaan dan terkejut apabila mendapati badannya dicacah tatu berlambangkan tengkorak bersama sarang labah-labah serta tulisan yang skar difahami selepas bangun tidur.

Pada masa sama, Fae yang berasal dari Kuantan, Pahang, mendedahkan dia bersama 44 pelatih di pusat rawatan itu nekad memboloskan diri selepas empat bulan menerima rawatan.

Bagaimanapun, dakwaan itu dinafikan pengasas pusat rawatan berkenaan, Mohd Zain Abu Bakar, 77.